



**Pentas Raya Glam**

**Diskaun 60%**  
untuk produk kesihatan

**Beli Sekarang**



08:15 am

10 Mac 2026, Selasa  
20 Ramadan, 1447 HKuala Lumpur v

Imsak 06:04 am    Subuh 06:14 am    **Zuhur 01:26 pm**    Asar 04:38 pm    Maghrib 07:28 pm    Isyak 08:37 pm

## Lebih RM13 bilion Wang Tak Dituntut sehingga Januari

Siti Rohana Idris - Mac 7, 2026 @ 5:41pm



Datuk Zainani Jusoh (tengah) melihat proses pemeriksaan Wang Tak Dituntut oleh penduduk Kampung Bukit Merah, di kaunter yang disediakan - Foto NSTP/SITI ROHANA IDRIS

TANAH MERAH: Jabatan Akauntan Negara (JANM) merekodkan lebih RM13 bilion Wang Tak Dituntut (WTD) sehingga 31 Januari lalu.

Daripada jumlah itu, Akauntan Negara, Datuk Zainani Jusoh berkata, RM7 bilion kekal dalam akaun amanah tidak dituntut manakala selebihnya sudah dilaraskan dalam akaun hasil disatukan kerana tidak dituntut oleh pemilik atau waris dalam tempoh 10 tahun.

"Sekiranya ada permohonan tuntutan daripada akaun hasil disatukan, pembayaran balik melalui peruntukan bayaran balik hasil boleh dibuat.

"Kita ingin tegaskan bahawa JANM tidak pernah melantik mana-mana ejen atau wakil untuk mendapatkan wang tidak dituntut bagi pihak penuntut.

### DISYORKAN

"Saya sarankan semua penuntut supaya melakukannya sendiri sama ada secara dalam talian atau hadir ke kaunter di semua pejabat akauntan negara atau cawangan di seluruh negeri," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau menyempurnakan perasmian Kampung Angkat MADANI JANM di Kampung Bukit Merah di Masjid Al-Iktikaf Ibnu Sina.

Wang tidak dituntut terbahagi kepada tiga kategori mengikut Akta WTD 1965.

Kategori A membabitkan wang yang perlu dibayar dari sisi undang-undang kepada empunya tetapi tidak dibayar dalam tempoh satu tahun seperti gaji, bonus, komisen, dividen atau tuntutan insurans.

Kategori B merujuk kepada wang dalam kredit akaun yang tidak dikendalikan oleh pemilik dalam tempoh lebih dari tujuh tahun seperti simpanan bank dan deposit.

Kategori C membabitkan wang dalam akaun dagangan yang tidak dikendalikan dalam tempoh dua tahun.

Zainani berkata, pihaknya sentiasa aktif membuat hebahan mengenai wang tidak dituntut kepada orang ramai menerusi pelbagai program anjuran kerajaan di seluruh negara.

Katanya, sebuah bas bergerak turut disediakan sebagai kaunter bagi memudahkan orang ramai menguruskan proses wang tidak dituntut.

"Khidmat bas bergerak ini digunakan sejak tahun lalu dan dilengkapi kemudahan bagi memeriksa serta membuat tuntutan di setiap pelosok negeri.



"Bagaimanapun, tuntutan wang hanya boleh dilakukan oleh individu dengan menyertakan semua dokumen diperlukan," katanya.



ENDFIELD  
Explore, Fight, And Shape The World Of Endfield! Download Now!

LEARN MORE →



Anwar akan umum beberapa lagi berita baik menjelang...

▶ 1:38



Tiga sindiket tumpas, dadah lebih RM180 juta dirampas di...

▶ 1:42



Jenazah Syed Muhammad Naquib Al-Attas selamat...

▶ 0:51



Pak belang muncul di kebun Kampung Rahmat, Kluang

▶ 0:39

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Dis 19, 2025 @ 3:33pm  
**JPN nafi dakwaan salah guna identiti**



NASIONAL Mac 7, 2026 @ 8:00pm  
**Berita popular hari ini**



NASIONAL Nov 21, 2025 @ 1:24pm  
**PAC selesai prosiding isu kenderaan kerajaan, teruskan siasatan Sistem e-Jamin**



NASIONAL Nov 18, 2025 @ 12:31pm  
**Aplikasi MyGOV Malaysia ikut piawaian keselamatan antarabangsa - Gobind**



'Naikkan seri' ruang tanpa perlu ubah besar-besaran  
OH BULAN | SPONSORED

Masuk Gaji, Simpan Sikit  
SAYS SEISMIK | SPONSORED

Watsons angkat isu kecil tapi relatable ini dalam sebuah filem pendek yang penuh emosi  
OH BULAN | SPONSORED

Koci Leleh Moden Paling Lembut & Cantik